

03 MAY 1998

Abdullah-Jepun

JEPUN MINAT TERUSKAN DASAR PANDANG KE TIMUR

PETALING JAYA, 3 Mei (Bernama) -- Jepun hari ini menyatakan minatnya untuk meneruskan Dasar Pandang Ke Timur Malaysia, kata Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, malam ini.

"Jepun menyatakan kepada kita bahawa ia berminat meneruskan Dasar Pandang Ke Timur dan kita menyatakan kepadanya bahawa adalah menjadi harapan kita agar Jepun terus melaksanakan dasar itu selepas tahun 2000," katanya kepada pemberita selepas mengadakan perbincangan sejam dengan rakan sejawatannya dari Jepun, Keizo Obuchi, di sini.

Abdullah berkata Obuchi juga mencadangkan kemungkinan memperkenalkan program berkembar di bawah Dasar Pandang Ke Timur bagi membantu pelajar Malaysia supaya tidak terlalu lama menuntut di universiti-universiti di Jepun, yang memakan belanja yang banyak.

"Jika kita mempunyai program berkembar, pelajar Malaysia akan belajar bagi tempoh tertentu di Malaysia dan kemudian menyambunginya di Jepun bagi mendapatkan ijazah mereka," katanya.

Abdullah berkata cadangan itu disampaikan kepada Obuchi oleh para anggota Alumni Universiti Jepun semasa pertemuan beliau dengan mereka di sini tengah hari tadi.

Dasar Pandang Ke Timur, yang diperkenalkan pada 1982 oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bertujuan menyemai etika kerja baik di kalangan rakyat Malaysia dengan merujuk kepada Jepun dan Korea Selatan. Sejak itu, semakin ramai rakyat Malaysia yang dihantar ke Jepun bagi mendapatkan latihan kemahiran dan pendidikan.

Mengenai perkembangan lain, Abdullah berkata Malaysia dan Jepun juga bersetuju bahawa adalah penting bagi memastikan pilihan raya Kemboja boleh dipercayai. Perdana Menteri Kedua Kemboja Hun Sen mengumumkan bahawa pilihan raya akan diadakan pada 26 Julai ini.

"Kami menyambut baik kenyataan Hun Sen bahawa beliau mahukan pilihan raya yang boleh dipercayai dan akan mengiktiraf hasil pilihan raya itu," katanya.

Abdullah berkata Jepun juga berminat untuk mengetahui bila Kemboja akan diterima masuk secara rasmi dalam Asean.

"Jawapan saya ialah apabila kerajaan baru dibentuk. Dan apabila kerajaan baru dibentuk selepas pilihan raya itu, ia adalah masa yang sesuai bagi Kemboja menyertai Asean," katanya.

Mengenai Myanmar, Abdullah berkata beliau dan Obuchi bersetuju bahawa dasar ikatan konstruktif perlu diteruskan.

"Kita bersetuju bahawa sambil kita meneruskan hubungan ekonomi, dasar ikatan konstruktif juga harus diteruskan," katanya.

Abdullah berkata Obuchi juga meminta pendapat Malaysia yang boleh disampaikan Jepun semasa mesyuarat peringkat menteri G7 dan Russia di London, minggu depan.

"Saya menyatakan kepadanya kebimbangan kita mengenai masalah ekonomi, dan berharap pada mesyuarat itu dinyatakan keyakinan terhadap ekonomi kita dan kemampuan negara-negara Asia untuk pulih daripada masalah sekarang dan terus melabur di negara-negara ini... Saya rasa ia akan mengutus mesej yang jelas bagi membantu kita pulih semula," katanya.

Abdullah juga berkata bahawa Kuala Lumpur dan Tokyo gembira melihat hubungan dua hala kedua-dua negara yang baik.

-- BERNAMA

RV NAK

